



# FAZAKKIR

e-Tazkirah | Bil. 31 | Mac 2024 - Ramadan 1445H

قُوا سَاءَ مَبْدُوءِ اِيذِكْرِي

**PUASA MEMBENTUK INTEGRITI**

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ  
الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ  
قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu di antara umat manusia **agar kamu menjadi orang bertakwa.**

(al-Baqarah : 183)

Ibadah puasa merupakan jalan dalam menuju takwa, iaitu merupakan salah satu cara yang mampu membina, mempertingkatkan, serta memperkukuhkan sudut rohani dan akhlak bagi orang yang berpuasa dan melorongkan mereka untuk taat serta patuh hanya kepada perkara-perkara yang dicintai dan diredhai oleh Allah SWT.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat Integriti bermaksud “kejujuran”, “ketulusan”, “keadaan sempurna dan utuh atau keutuhan” dan bebas daripada sebarang bentuk penyelewengan.

Sarjana barat, C.S. Lewis ada menyatakan makna integriti ialah “melakukan sesuatu yang baik, walaupun tiada orang melihatnya”.

# التقوى

هي الخوف من الجليل، والعمل  
بالتنزيل، والقناعة بالقليل،  
والاستعداد ليوم الرّحيل

Saidina Ali Bin Abi Talib menyatakan :  
**Taqwa** ialah merasa takut dan gerun kepada Allah Yang Maha Agung, beramal dengan apa yang terkandung dalam al-Quran, bersikap qana'ah dengan sedikit dan persediaan menghadapi hari Akhirat.

- Menurut Ibnu Kathir dalam tafsirnya, ibadah puasa yang disyariatkan kepada umat nabi Musa a.s, Nabi Isa a.s asalnya sama sahaja dengan syariat umat Nabi Muhammad SAW. Namun, perintah itu telah diubah-ubah rahib mereka mengikut hawa nafsu menyimpang jauh daripada syariat yang sebenar.
- Puasa yang dilakukan dengan penuh keimanan dan bersungguh-sungguh mengharapkan ganjaran pahala boleh meruntuhkan tembok syahwat yang lama bersarang di dalam hati dan ibadah yang dilakukan menjadi mudah.
- Taqwa hasil tarbiyah berpuasa akan menghasilkan nilai integriti seperti amanah, jujur dan ikhlas kepada golongan Mukminin.



Diterbitkan oleh Unit Hal Ehwal Islam  
UiTM Cawangan Selangor